

# Kejuaraan Ragbi Malaysia Air Asia milik Keris Conlay

**KUALA LUMPUR 15 April** - Keris Conlay dinobatkan juara Kejuaraan Ragbi Malaysia Air Asia 2017 setelah menumpaskan wakil dari Borneo, Kelab Ragbi Eagles 15-12 dalam perlawanan akhir di padang A, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, hari ini.

Keris bermula baik pada babak pertama apabila memperolehi dua *try* menerusi *flanker*, Penias Senikaraka dan *fullback*, Mohd. Fared Yahya disusuli satu *conversion* dan penalti yang disempurnakan Mohd. Fairuz Abdul Rahman manakala Eagles sekadar melakukan satu *try* yang dilakukan *fullback*, Mohd. Fikri Sawai.

Dalam aksi babak kedua menyaksikan kebangkitan pasukan yang berpengkalan di Sandakan itu apabila cuba merapatkan kedudukan dengan melakukan satu *try* menerusi *winger*, Eric Durim dan satu *conversion* oleh *flyhalf*, William Douglas namun gagal menyekat kemenangan Conlay yang kental bertahan hingga wisel penamat ditiupkan pengadil perlawanan.

Jurulatih Conlay yang turut membantu pasukan itu muncul juara Liga Premier, Mohd. Farid Syazwan berkata, perlawanan hari ini cukup sengit dan anak-anak buahnya telah bermain mati-matian untuk meraih kejuaraan ini.



**BARISAN** pemain Keris Conlay ceria meraikan kejayaan menjuarai Kejuaraan Ragbi Air Asia Malaysia 2017 di Padang A, UPM di Serdang, semalam. - MINGGUAN/AIZZUL A.MAJID

Tambahnya, biarpun turun sebagai pasukan bukan pilihan dan tanpa beberapa pemain yang mengalami kecederaan tidak mematahkan semangat pemain-pemain untuk memberi yang ter-

baik.

"Perlawanan akhir hari ini cukup sengit dan kita telah menjangkakan Eagles akan membawa cabaran sengit kepada kami dan juga kami turun tanpa beberapa

pemain yang mengalami kecederaan tetapi saya memberi keyakinan kepada pemain untuk bertahan dengan baik dan kekal fokus sepanjang perlawanan berlangsung.